

CNS7401

R GB 03-04 00220 BA961

aab

Mahathir - Akhbar

PEMBOHONG MESTI TERIMA BALASAN, MAHATHIR

(EMBARGO: Untuk siaran selepas 2015 jam hari ini)

KUALA LUMPUR, 3 April (Bernama) -- Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad berkata kebebasan akhbar tidak membenarkan pembohongan dilakukan dan jika akhbar Britain memilih kebebasan untuk berbohong, mereka mestilah sanggup menerima padahnya.

Pada satu temubual dalam program "Whicker's World" yang disiarkan oleh rangkaian ITV Britain hari ini, Perdana Menteri berkata keputusan Malaysia menyekat firma Britain daripada mendapat kontrak baru kerajaan boleh dikaji semula, tetapi keputusan itu tidak terletak di tangan beliau.

Ketika ditanya oleh pengacara Alan Whicker siapakah yang akan membuat keputusan mengenai Tempoh Larangan itu berkuatkuasa, Dr Mahathir berkata: "Kita akan lihat jika terdapat perubahan pada sikap akhbar di Britain".

Malaysia mengenakan sekatan itu ekoran laporan media Britain yang memberi gambaran bahawa para pemimpin kerajaan Malaysia menerima casuah dan kontrak-kontrak kerajaan dengan firma-firma Britain diperolehi daripada urusan yang mencurigakan. Larangan itu membatalkan semua memorandum persefahaman dan surat hasrat yang telah dimeterai, mengakibatkan kerugian beribu-ribu juta ringgit kepada firma-firma Britain.

Dalam temubual khas "Alan Whicker Bertemu Perdana Menteri Malaysia," yang dibuat semasa perasmian Pangkor Island Resort di Perak baru-baru ini, Dr Mahathir berkata akhbar Britain haruslah sekurang-kurangnya mengakui bahawa pembohongan ialah bukan sebahagian daripada kebebasan akhbar. -- Lagi

▼03/04/16-57MST

CNS7501

R GB 03-04 00193 BA962

aab

Mahathir - Akhbar 2 Kuala Lumpur (Embargo)

Ketika menjawab soalan Whicker mengenai apakah yang beliau mahu dilakukan supaya isu itu selesai, beliau berkata, "Ya tidak seharusnya berkata bahawa kami mempunyai hak untuk berbohong mengenai anda tetapi kami di sini tidak berhak berbohong mengenai akhbar. Maksud saya, kita seharusnya setaraf."

Whicker juga merujuk surat Dr Mahathir kepada akhbar Financial Times London mengenai perkara itu, yang antara lain menyebut "nasi sudah menjadi bubur", membayangkan bahawa keputusan itu tidak akan dikaji semula.

Dr Mahathir berkata: "Ya mungkin membayangkan satu keputusan muktamad, tetapi kami memang berharap agar akhbar dan kerajaan Britain mengelak daripada berbohong mengenai kami dan memburukkan hubungan kita".

"Jika mereka boleh mengubah pendirian mereka dan berkata, "Kami kesal jika laporan itu tidak berdasarkan kepada fakta," dan anda semua menyokong kebenaran kecuali apabila anda tidak tahu perkara sebenarnya, maka saya fikir ia akan menyelesaikan masalah berkenaan.

"Tetapi semua berkeras bahawa ini ialah soal kebebasan akhbar. Itulah sebabnya mengapa saya kata bahawa jika anda inginkan kebebasan untuk berbohong, anda mesti sanggup menerima padahnya, kata Perdana Menteri. Transkrip temubual itu diberikan kepada Bernama. -- Lagi

▼03/04/17-09MST

aab

Mahathir - Akhbar 3 Kuala Lumpur (Embarqo)

(Sekatan terhadap firma Britain itu ialah tindak balas kedua Malaysia terhadap Britain selepas kempen "Britain Pilihan Terakhir" pada tahun 1982 yang juga dimulakan oleh Dr Mahathir selepas Britain menaikkan yuran pelajaran terhadap penuntut Malaysia).

Dr Mahathir, yang diperkenalkan oleh Whicker sebagai seorang yang melancarkan perang perdagangan terhadap Britain, berkata bahawa beliau tidak marahkan kritikan akhbar, tetapi ia mestilah berdasarkan kepada fakta.

"Saya akan mempertahankan hak meceka untuk mengkritik dan melapockan kebenaran", kata Perdana Menteri.

Beliau menolak dakwaan akhbar Britain bahawa ada orang tengah di Malaysia yang mengaut keuntungan besar daripada projek Empangan Pergau, yang menjadi fokus dakwaan media Britain terhadap para pemimpin Malaysia.

Sambil berkata inilah bentuk laporan yang tidak berdasarkan kepada fakta, Dr Mahathir berkata tidak ada orang tengah yang terlibat dalam projek itu dan ia diputuskan menerusi rundingan secara langsung antara kerajaan Malaysia dan Britain. -- Lagi

▼03/04/17-18MST

aab

Mahathir - Akhbar 4 Kuala Lumpur (Embarqo)

Sambil bersetuju dengan pendapat Whicker bahawa akhbar Britain juga menyerang para menteri dan ahli politik Britain, Dr Mahathir berkata beliau fikir mereka berhak berbuat demikian kerana itu ialah kerajaan dan negara mereka.

Bagaimanapun, kata Dr Mahathir beliau tidak dapat menecima pembbohongan yang dibuat oleh akhbar Britain mengenai beliau dan Malaysia.

Kepada cadangan Whicker bahawa ada pihak yang ingin mengawal media ekoran daripada serangan itu, Dr Mahathir berkata: "Tidak, saya tidak fikir anda patut mengawalinya. Tetapi anda harus berhenti bercakap bohong. Berpandulah kepada kebenaran".

Beliau berkata akhbar harus bertanggung jawab dan mereka tidak seharusnya mereka-reka cerita.

Kepada saranan Whicker bahawa ada pihak yang menyatakan bahawa Dr Mahathir bersikap angkuh kerana beliau memiliki keyakinan yang amat tinggi ketika berurusan dengan kerajaan asing, Perdana Menteri berkata bahawa ia mungkin kerana pada hakikatnya mereka tidak biasa dengan keadaan di mana negara membangun berani bertindak balas dan menyuarakan pendapat secara terbuka. -- Lagi

▼03/04/17-25MST

aab

Mahathir - Akhbar 5 (Akhir) Kuala Lumpur (Embarqo)

Whicker merujuk kepada pertikaian antara Malaysia dan Australia baru-baru ini setelah Perdana Menteri Paul Keating mengqelar Dr Mahathir sebagai "keras kepala" kerana beliau enggan menghadiri sidang kemuncak pertama Kerjasama Ekonomi Asia Pasifik di Seattle yang dianjurkan Presiden Amerika Syarikat Bill Clinton tahun lepas.

"Tetapi saya sentiasa percaya untuk menyatakan pendapat saya secara terang-terangan," kata Dr Mahathir, yang dikenali sebagai seorang yang kritikal terhadap dasar luar negara Barat.

Beliau juga berkata bahawa terdapat kecenderungan di kalangan masyarakat Eropah untuk memandangi rendah masyarakat bukan Eropah.

"Ia masih wujud. Sudah tentu bukan semuanya, tetapi ia wujud di kalangan mereka yang mempunyai kedudukan tinggi," kata beliau. -- Bernama.